

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Muharram 1446H/ Julai 2024

ACIS

Aplikasi Kaedah Fekah *Al-Umur Bi Maqasidiha* Dalam Konteks Hijrah Masa Kini

Inspirasi Hijrah Kepada Generasi Muda **6**

Menggapai Kecemerlangan Melalui Hijrah Nabi **8**

Hikmah Hijrah Rasulullah SAW **9**

Karya Kreatif: Sumber Idea Berlandaskan Pengalaman dan Teknik
Pengembangan Idea **11**

Mengungkap Hijrah Harta : Sorotan Webinar Eksklusif Zakat
Pendapatan **13**

Puisi: Ilustrasi Ilham Ke Naskah Kreatif **16**

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Hikmah Hijrah Rasulullah SAW



Oleh:

Mohammad Faizul Abdan

Penolong Pendaftar Kanan, Unit Hal Ehwal Islam (UHEI), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah



Oleh:

Hisam Satari

Penyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Segala Puji bagi Allah tuhan sekalian 'alam, selawat dan salam pujian atas nabi Muhammad SAW pembawa panji kebenaran.

Allah telah berfirman dalam Surah At-Taubah, Ayat 40:

إِلَّا تَنْصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ إِذْ أَخْرَجَهُ الَّذِينَ كَفَرُوا ثَانِيًا إِثْنَيْنِ إِذْ هَمَّا فِي
الْغَارِ إِذْ يَقُولُ لِصَاحِبِهِ لَا تَحْزَنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَيْهِ
وَأَيَّدَهُ بِجُنُودٍ لَمْ تَرَوْهَا وَجَعَلَ كَلِمَةَ الَّذِينَ كَفَرُوا السُّفْلَىٰ وَكَلِمَةُ اللَّهِ
هِيَ الْعُلْيَا وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Mafhumnya: "Jika kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad) maka sesungguhnya Allah telahpun menolongnya, iaitu ketika kaum kafir (di Mekah) mengeluarkannya (dari negerinya Mekah) sedang ia salah seorang dari dua (sahabat) semasa mereka berlindung di dalam gua, ketika ia berkata kepada sahabatnya: "Janganlah engkau berdukacita, sesungguhnya Allah menolong kita". Maka Allah menurunkan semangat tenang tenteram kepada (Nabi Muhammad) dan menguatkannya dengan bantuan tentera (malaiikat) yang kamu tidak melihatnya. Dan Allah menjadikan seruan (syirik) orang-orang kafir terkebawah (kalah dengan sehina-hinanya), dan Kalimah Allah (Islam) ialah yang tertinggi (selama-lamanya), kerana Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."

Ayat di atas menjelaskan bukti berlakunya peristiwa besar dalam sejarah perjuangan dakwah nabi Muhammad SAW iaitu peristiwa agung hijrah dari kota Mekah ke kota Yathrib (sebelum ditukar dengan Madinah). Hijrah ialah perpindahan dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Manakala hijrahnya Rasul SAW adalah kerana melaksanakan arahan Allah Taala demi meluaskan dakwah Islam setelah mengalami ujian yang sangat dahsyat dari masyarakat Jahiliah di Kota Mekah.

Hijrah ini berlaku kerana beberapa sebab, antaranya:

Penindasan di Mekah: Umat Islam di Mekah mengalami penindasan dan penyiksaan oleh kaum Quraisy yang menentang ajaran Islam. Keadaan ini menjadikan kehidupan mereka di Mekah sangat sukar dan berbahaya.

Perintah Allah: Nabi Muhammad menerima wahyu daripada Allah yang memerintahkan baginda dan para pengikutnya untuk berhijrah.

Sokongan dari Penduduk Madinah: Sebelum peristiwa Hijrah, Nabi Muhammad telah berhubung dengan beberapa pemimpin dari Yathrib yang bersedia menerima baginda dan para pengikutnya serta menyokong ajaran Islam. Mereka berjanji untuk melindungi dan membantu umat Islam.

Pembentukan Masyarakat Islam: Di Madinah, Nabi Muhammad berpeluang untuk membina sebuah masyarakat Islam dan negara yang berasaskan kepada prinsip-prinsip Islam. Baginda juga berjaya menjalin perjanjian dengan penduduk tempatan, termasuk kaum Yahudi, yang dikenali sebagai Piagam Madinah.

Kemudian Nabi ﷺ berhijrah dari Makkah tempat kelahiran baginda yang merupakan negeri (yang mulia) yang amat baginda cintai ke Yathrib. Rasulullah bersama dengan Sayyidina Abu Bakr menempuh kepayahan dalam perjalanan tersebut setelah sekian lama berada di Makkah iaitu bermula baginda diutuskan sebagai rasul selama 13 tahun dengan menyeru manusia kepada tauhid dan meninggalkan kesyirikan. Bukanlah hijrah Rasulullah ﷺ ini kerana untuk melarikan diri atau baginda seorang pengecut terhadap orang-orang kuffar, bahkan hijrah ini adalah kerana melaksanakan perintah Allah. Penghijrahan Nabi ﷺ juga bukan kerana kecintaan kepada dunia dan bukan juga untuk merehatkan fikiran. Sesungguhnya hijrah di jalan Allah adalah bertujuan menegakkan keadilan dan mengatakan kebenaran yang nyata serta membina negara iman dan menyebarkan tauhid ke segenap tempat di kepulauan Arab dan setiap pelusuk dunia.

Hijrah juga adalah satu usaha untuk mengumpulkan kekuatan di kalangan orang-orang yang beriman dengan risalah samawiyyah dan bersatu (untuk mencapai kemenangan dengan kurniaan Allah) menentang kekufuran dan kesyirikan. Tatkala tibanya Rasulullah ﷺ di Yathrib pada hari Isnin pada bulan Rabi'ul-Awwal, orang-orang mukmin menyambut kedatangan baginda ﷺ dengan penuh kegembiraan. Setelah itu Rasulullah menamakan tanah Yathrib dengan nama *al-Madinah al-Munawwarah*, mempersaudarakan antara kaum Muhajirin dan Ansar dan membina masjid dan tempat-tempat tinggal untuk kaum Muhajirin. Lalu orang-orang muslim menjadi satu hati yang tidak boleh dipisahkan di antara mereka kerana ketamakan kepada dunia dan tidak menjadi jauh di antara mereka kerana

dunia dan tidak menjadi jauh di antara mereka kerana perasaan hasad dan dengki. Perumpamaan mereka adalah seperti bangunan yang menguatkan antara satu sama lain, dan perumpamaan tentang kasih sayang mereka, belas ihsan mereka dan toleransi mereka sesama mereka adalah seperti satu jasad iaitu apabila terasa sakit pada satu anggota badan maka seluruh anggota badan yang lain turut terasa sakit.

Peristiwa hijrah sebenarnya adalah bukti kekuasaan Allah Taala dalam mengurus segala perbuatan makhluknya di muka bumi ini. Semua makhluk samada manusia atau haiwan mengambil peranan dalam kisah perjalanan hijrah ini. Peranan yang dimainkan oleh Saidina Ali r.a yang mengambil tempat berbaring di katil nabi SAW. Peranan Sahabat paling rapat iaitu Saidina Abu Bakar as-Siddik yang menemani perjalanan baginda, Abdullah bin Abu Bakar RA yang berperanan sebagai pemberi maklumat kepada Rasulullah SAW yang bersembunyi di Gua Thur selama 3 hari sebelum meneruskan perjalanan ke Yathrib. Abdullah mendengar apa sahaja perbincangan penduduk Mekah (tentang mereka) di siang hari dan pada petangnya, menyampaikan info tersebut kepada mereka. Setiap malam (dalam tempoh 3 hari tersebut), Abdullah tidur di gua bersama mereka dan pulang pada waktu Subuh.

Saidatina Asma' RA, beliau merupakan anak kepada Saidina Abu Bakar as Siddik . Tugasannya adalah menghantar makanan ke Gua Thur setiap hari. Sangat menakjubkan kerana saat itu ia sedang hamil tua, namun mampu mendaki gunung yang tidak mampu didaki oleh semua orang. Asma' digelar 'Zatun Nitaqain' artinya 'pemilik dua ikat pinggang' kerana ia memotong kain ikat pinggangnya untuk mengikat mulut kantung makanan tersebut. Amir bin Fuhairah, beliau adalah bekas hamba kepada Saidina Abu Bakar as Siddik. Beliau diberi tugas supaya membawa kambing-kambing peliharaannya ke padang pasir pada waktu siang bagi menghilangkan jejak kaki Abdullah dan Asma' dan pada waktu petang membawa kambing ke gua Thur untuk diperah susunya.

Apabila Allah Taala berkehendak kepada sesuatu maka tiada siapa di kalangan makhluknya mampu menahan dan menewaskan perancangan Allah Taala. Peristiwa hijrah ini semakin menguatkan lagi keimanan kita akan kekuasaan Allah Taala. Melaksanakan seruan dan arahan Allah Taala adalah satu kewajiban dan ketika melaksanakannya sudah tentu terdapat halangan dan cabaran yang menanti, galang ganti peristiwa hijrah nabi ini adalah kematian, tapi ingatlah Allah Taala akan sentiasa melindungi hambanya yang yakin sepenuhnya akan janji dan perlindunganNya.